

23/01/2001

Tarikh pertemuan Umno, Pas belum diputus

MELAKA, Isnin - Tarikh pertemuan antara Umno dan Pas bagi membincangkan mengenai perpaduan Melayu masih belum diputuskan, kata Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob dijangka menghubungi rakan sejawatannya dalam Pas, Nasharuddin Mat Isa, sekali lagi bagi menentukan tarikh sesuai bagi membincangkan perpaduan Melayu.

"Khalil sudah beberapa kali berhubung dengan Nasharuddin bagi menetapkan pertemuan itu supaya dapat diadakan secepat mungkin," katanya.

Hari ini, Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, mendengar taklimat daripada Khalil mengenai perbincangan itu.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas mesyuarat itu, Abdullah berkata, buat masa ini tarikh pertemuan itu belum dapat ditetapkan kerana Nasharuddin masih berada di luar negara.

Mesyuarat MT dipengerusikan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selama kira-kira sejam sebelum diambil alih oleh Abdullah kerana Perdana Menteri mengalami selsema.

Ini adalah kali kedua mesyuarat MT diadakan di luar Kuala Lumpur selepas Perak menjadi tuan rumah tahun lalu. Selepas mesyuarat MT itu, Abdullah mengadakan pertemuan selama kira-kira 30 minit dengan Badan Perhubungan Umno Melaka diketuai Datuk Wira Mohd Ali Rustam di Graha Umno di Jalan Hang Tuah.

Sebelum ini, pertemuan bagi membincangkan perpaduan Melayu itu dicadangkan di antara pemimpin tiga parti iaitu Umno, Pas dan Keadilan. Bagaimanapun, Keadilan menolaknya dengan alasan bahawa ia bukan parti orang Melayu.

Abdullah berkata, pihaknya ingin tahu apakah cadangan Pas sama ada turut membabitkan perwakilan daripada parti masing-masing dan siapakah di antara orang Pas yang ingin turut serta.

"Kalau dipersetujui, selain Presiden, akan ada orang lain yang perlu ikut, maka tentulah kita nak tahu dan mereka juga nak tahu siapa orangnya (daripada Umno) ... tak ada masalah.

"Kita nak secepat mungkin (pertemuan diadakan), kalau boleh tetapi kita juga memahami kalau mereka ada masalah untuk tetapkan tarikh lebih awal sedangkan Presiden Pas atau Setiausaha Agungnya berada di luar negara.

Selain itu, Abdullah berkata, pihaknya masih menunggu kelulusan Pendaftar Pertubuhan mengenai pindaan perlembagaan Umno November lalu bagi membolehkannya diguna pakai dalam mesyuarat peringkat cawangan dan bahagian tidak lama lagi.

Mengenai Pusat Asasi Sains Universiti Malaya (UM) yang menimbulkan kontroversi berikutan tindakan pihak pengurusannya mahu menutupkan pusat berusia 24 tahun itu mulai April ini, Abdullah berkata isu itu tidak dibincangkan di mesyuarat MT.

Katanya, perkara terbabit dibangkitkan Naib Presiden Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan MT mengambil pendirian supaya isu ini diserahkan kepada Dr Mahathir yang akan membincang lanjut dengan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad.

Semalam, Dr Mahathir berkata bahawa beliau akan mendapat maklumat penuh daripada Abdullah mengenai isu itu sebelum membuat sebarang keputusan.

Abdullah berkata, beliau tidak sempat untuk memberi taklimat mengenai perkara itu dengan Dr Mahathir hari ini kerana kesuntukan masa tetapi akan berbuat demikian dalam masa sehari dua ini sebelum keputusan sewajarnya

diambil.

Selain itu katanya, mesyuarat MT hari ini turut mendengar pandangan Dr Mahathir mengenai rombakan Kabinet yang diumumkan baru-baru ini dan mengenai pelantikan Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman sebagai penasihat agama kepada Perdana Menteri.

"MT merakamkan penghargaan kepada Datuk Paduka Abdul Hamid atas jasa, khidmat dan sumbangannya semasa menjadi menteri sebelum ini," katanya.

(END)